

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 16 DISEMBER 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 12

Ubah penggunaan bahan api fosil, elak impak iklim

Ubah penggunaan bahan api fosil, elak impak iklim

- Desak kerajaan baharu mempercepatkan laksana Strategi Pembangunan Tenaga Pelepasan Rendah Jangka Panjang

- Syarikat bahan api fosil perlu henti fenomena pencucian hijau dan bergerak secara jujur dengan komitmen untuk peralihan kepada karbon neutraliti sekarang juga

Oleh Dr Jemilah Mahmood
bhrenanca@bh.com.my



Pengarah Eksekutif
Pusat Kesihatan
Planet Sunway,
Sunway University

Saya amat terkilan melihat betapa cepatnya berita semasa bertukar arah. Baru tiga minggu berlalu sejak lebih 30,000 peserta menghadiri Persidangan Perubahan Iklim PBB 2022 (COP27) di Mesir untuk mencari penyelesaian krisis iklim tetapi dalam seketul mata, ia tenggelam ekoran ‘persaingan’ kitaran media untuk turut mesyuarat negara Kumpulan 20 (G20) di Bali, persidangan ASEAN, pembebasan Twitter oleh Elon Musk, pembebasan Kherson di Ukraine dan kempen Pilhan Raya Umum Ke-15 (PRU15).

Tidak dilupap paparan media sosial menyanyum maklumat huburan, kerohanian rakan (dan kucing mereka) serta pelbagai lagi gangguan perhatian disediakan khusus oleh algoritmania.

Walaupun berita COP27 kelihatan seolah-olah lapuk, kita tidak boleh lupa beberapa kata putus penting antara pemimpin negara sudah dicapai. Oleh itu, adalah wajar untuk kita memperhalusi keputusan berkenaan serta mempertimbangkan impaknya kepada kita selaku.

Dari sudut positifnya, selepas beberapa tahun berdebat, akhirnya persejutuan dicapai untuk mewujudkan ‘Dana Kerugian dan Kerosakan’ merujuk kepada kos ditanggung akibat fenomena cuaca melampau atau impak krisis iklim seperti kenaikan paras laut.

Perbincangan penubuhan dana ini diadakan sejak bermulanya persidangan COP di Berlin pada 1995. Akhirnya, persejutuan untuk penubuhan dana ini didorong kehadiran negara terjejas langsung oleh krisis iklim seperti Pakistan mengalami banjir dahsyat hanya dua bulan lalu.

Walau pun kemajuan dicapai, masih kita perlu setuju mengenai tafsiran istilah kerugian dan kerosakan potensi tafsiran terlalu meluas serta sukar dinilai. Ini kerana ia boleh merangkumi kerosakan infrastruktur atau harta benda serta habitat semula jadi atau aset budaya.

Perkembangan makin terbatang
Perkara ini, di samping jangki tidak diperahu dari pada COP terdahulu menyebabkan sokongan sedia ada makin terbatang, walaupun ia seharusnya dipertingkatkan lagi. Ini termasuk komitmen negara maju menyediakan pertumbuhan (yang kini selarasnya mencapai berbilion dolar) kepada negara yang lemah dalam rangka menghadapi dan mengurangkan risiko impak perubahan iklim ke atas negara mereka.

Perkembangan negatif lain membatilit penghapusan bahasa dan ayat berkaitan pemansuhan penggunaan bahan api fosil secara berperingkat daripada dokumen COP27. Sebaliknya, ia digantikan perkataan baharu seperti menyeru pembangunan sistem ‘tenaga pelepasan rendah dengan lebih pesat’. Dalam kata lain, ini hanya akan menggalakkan pembangunan perusahaan gas asli (sebenarnya membelaikan lagi usaha melawan krisis iklim), bukannya tenaga jana semula.

Antara justifikasi perubahan bahasa dan ayat ini disebabkan keterhadan sumber tenaga untuk memenuhi keperluan sedia ada di negara maju yang

sebahagian besaranya disebabkan serangan Russia ke atas Ukraine.

Walau pun kelihatan seolah-olah kompromi ini untuk memastikan keselamatan negara mendapatkan sumber tenaga, namun kita perlu faham bahawa terdapat ramai wakil industri bahan api fosil (termasuk syarikat dari Malaysia) di COP27.

Pada pandangan saya, tidak dapat dinafikan kehadiran mereka di COP27 mempengaruhi bahasa dan ayat digunakan dalam dokumen berkenaan serta keputusan dicapai.

Apa-apa pun, tidak ada gunanya kita menyatakan COP27 sebagai puncak titik awal global yang lemah dalam menghadapi krisis iklim. Ini kerana puncak utama cabaran masa kini adalah kebergantungan kita sendiri terhadap bahan api fosil. Realiti ini, kegagalan persidangan seperti COP27 untuk mencapai penyelesaian adalah banggaan kita semua.

Soalnya, apakah hal tuju wajar diterokai? Sebagaimana rakyat Malaysia dan warga global, kita tidak boleh menunggu atau bergantung kepada proses global untuk menentukan tindakan perlu diambil.

Komitmen lindungi alam

Sebaliknya, sebagai Khalifah di dunia ini, kita sudah memberi komitmen untuk menjaga dan melindungi flora dan fauna termasuk iklim kita. Oleh itu, kiri, sebagai satu negara, kita perlu menunjukkan kita boleh memenuhi komitmen ini.

Kita perlu mendesak kerajaan baharu memperkenalkan pelaksanaan Strategi Pembangunan Tenaga Pelepasan Rendah Jangka Panjang dan Perdana Menteri harus mengangkat strategi ini ke peringkat lebih tinggi. Saya yakni kita boleh melakukannya dengan lebih cepat dan baik lagi dengan pembentukan Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim - satu perubahan yang sangat diperlukan.

Kita menyeru syarikat bahan api fosil (syarikat minyak, pengeluar plastik, sektor peruncitan dan lain-lain) menghentikan fenomena pencucian hijau dan bergerak secara jujur dengan komitmen untuk peralihan kepada karbon neutraliti sekarang juga. Alternatifnya, perkara ini diwajibkan ke atas syar-

kat secara undang-undang.

Kita perlu lantang bersuara dan menekankan bahan fosil perlu kekal seadanya di bawah tanah. Syarikat dengan kebergantungan tinggi kepada bahan api fosil mestilah mempercepatkan transformasi inovasi tenaga alternatif.

Kita perlu bekerjasama dengan rakan senegara dan antarabangsa untuk mempercepatkan perubahan kepada *net zero* (sifar kosong) dan melakukan yang terbaik secara kolektif untuk mengekalakan purata kanakan suhu kepada 1.5 darjah.

Kita perlu mengangkat suara tenggelam dalam rundingan - komuniti orang asli, kanak-kanak dan belia, orang kurang upaya (OKU) dan warga emas. Kita mesri mendesak untuk memastikan mereka dikehilangan dalam proses ini.

Kita memerlukan sektor swasta untuk bekerjasama lebih rapat dengan kerajaan negeri dan Persekutuan untuk membangunkan bersama penyelesaian berdasarkan alam semula jadi untuk membayai pemuliharaan sinki karbon kita.

Kita juga perlu memainkan peranan individu dan juga kolektif. Tidak dinafikan kita mempunyai keperluan jangka pendek untuk dipenuhi - makanan di atas meja, persekolahan anak-anak dan bil perlu dibayar.

Namun, kita juga perlu melihat ke atas, untuk menyaksikan apa yang berlaku di luar realiti kita dan memainkan peranan untuk meringankan beberapa impak dengan cara kita menjalani kehidupan kita.

Kegagalan COP27 harus menjadi teladan sudah muda lagi untuk dibazirkan. Kita perlu menjadi contoh terbaik dalam perubahan dikehendaki ini. Kita adalah pengguna segala produk dibasiskan menggunakan bahan api fosil. Oleh itu, kita perlu mengubah cara hidup dan memaksu pembekal barang serta perkhidmatan untuk mengubah cara mereka.

Tidak tongkat ajiba dalam usaha. Kita perlu faham kesihatan semua amat berkaitan dengan kesihatan planet ini. Namun, jika kita tidak berubah sekarang, kekosan harinya tiada lagi. Seperti yang pernah saya sampaikan sebelum ini - kita tidak ada Planet B.

